

UPM jahit 100 sut perlindungan diri sehari

SHAH ALAM - Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Makmal Teknologi Pakaian Fakulti Pengajian Pendidikan menghasilkan 100 unit sut perlindungan diri (PPE) sehari, kata dekan fakulti itu.

Prof Dr Samsilah Roslan berkata PPE tersebut untuk membantu kakitangan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang bertugas mengekang penularan Covid-19.

Beliau berkata seramai 20 pelajar dan kakitangan UPM terlibat menjahit sut

PPE sejak pertengahan Mac lalu.

“Apabila wabak Covid-19 mula meningkat, sut PPE mendapat permintaan tinggi sehingga bekalannya sukar dibeli.

“Justeru, kita mengambil inisiatif menjahit sendiri di makmal teknologi yang dilengkapi dengan 32 mesin jahit industri, mesin jahit tepi (enam), mesin jahit lubang butang (dua) dan satu mesin pemotong fabrik,” katanya pada 30 April lalu.



Pelajar dan kakitangan UPM menjahit sut PPE bagi disumbangkan kepada staf Pusat Kesihatan Universiti